

Headline	Rumah perlindungan akan dibantu		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	10 Dec 2016	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	7	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	88 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 288
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 864



Rumah perlindungan akan dibantu

KUCHING: Kementerian Kesihatan bersama-sama agensi berkaitan akan turun padang bagi melihat serta membantu rumah perlindungan penghidap HIV yang dikendalikan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya

berkata langkah itu diambil berikutan pihaknya menerima laporan mengenai pelbagai masalah yang dihadapi oleh rumah berkenaan.

Antara lain, rumah perlindungan dalam keadaan daif, penghuni tidak cukup makan, masalah kewangan dan penguurusan, katanya kepada pember-

ita selepas mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Majlis Aids Malaysia serta beberapa agensi berkaitan di sini, semalam.

Katanya, ketika ini terdapat 25 rumah perlindungan penghidap HIV dikendalikan oleh NGO di seluruh negara.- Bernama